



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**GAYA PENGAJARAN PENSYARAH  
DI SEBUAH MAKTAB PERGURUAN TERPILIH  
DARI PERSEPSI GURU PELATIH**

**JAMALULLAIL BIN ABDUL WAHAB**

**FPP 1998 51**

**GAYA PENGAJARAN PENSYARAH  
DI SEBUAH MAKTAB PERGURUAN TERPILIH  
DARI PERSEPSI GURU PELATIH**

**OLEH  
JAMALULLAIL BIN ABDUL WAHAB**

**MASTER SAINS  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
1998**



Adalah disahkan bahawa saya telah membaca dan menyemak kertas projek ini yang bertajuk "Gaya Pengajaran Pensyarah Di Sebuah Maktab Perguruan Terpilih Dari Persepsi Guru Pelatih" oleh Jamalullail bin Abdul Wahab. Dengan ini diperakui, bahawa kertas projek ini memenuhi syarat dan kelayakan bagi keperluan Ijazah Master Sains (Pembangunan Sumber Manusia).



**SHAMSUDDIN AHMAD, Ed. D**

Pensyarah,  
Jabatan Pendidikan Pengembangan,  
Fakulti Pengajian Pendidikan,  
Universiti Putra Malaysia.

(Penyelia)  
Tarikh: 4/5/98



**Dr. Bahaman Abu Samah, Ph. D**

Pensyarah,  
Jabatan Pendidikan Pengembangan,  
Fakulti Pengajian Pendidikan,  
Universiti Putra Malaysia.

(Pemeriksa)  
Tarikh: .....

## **PENGHARGAAN**

Alhadulillah, syukur ke hadrat Allah Yang Maha pengasih lagi Amat Penyayang kerana dengan limpah kurnianya, saya dapat menyempurnakan projek kajian penyelidikan ini.

Saya dengan penuh iltizam serta keikhlasan ingin mengucapkan setinggi terima kasih dan penghargaan kepada yang berbahagia Dr. Shamsuddin Ahmad, Ed.D. pensyarah Jabatan Pendidikan Pengembangan, Fakulti Pendidikan, Universiti Putra Malaysia. Beliau telah memberikan bimbingan, bantuan, galakan, tunjukajar dan idea yang bermas, jelas serta mudah difahami tanpa jemu disepanjang proses penyiapan kajian projek ini. Semoga jasa dan keringat yang beliau curahkan akan mendapat pembalasan Allah hendaknya. Kepada pemeriksa kertas projek Dr. Bahaman Abu Samah Ph.D. diucapkan ribuan terima kasih kerana telah menjalankan pemeriksaan dengan teliti dan terpuji ke atas kajian projek saya ini. Di samping itu saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua para pensyarah di Jabatan Pendidikan Pengembangan kerana telah banyak memberikan ilmu dan pendidikan yang mendorong sehingga kajian projek ini berjaya disempurnakan.

Dikesempatan ini saya turut terpanggil untuk merakamkan terima kasih kepada Bahagian Biasiswa Kementerian Pendidikan Malaysia kerana telah memberikan kelulusan cuti belajar tanpa gaji kepada saya. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Bahagian Pendidikan Guru khususnya Pengetua Maktab

Perguruan Kuala Terengganu kerana telah memberi kebenaran kepada saya untuk menggunakan guru pelatih maktabnya sebagai responden kajian ini. Tidak lupa juga diucapkan terima kasih kepada guru-guru pelatih semester akhir sesi 1997 kerana telah bersetuju untuk menjadi responden kajian ini.

Dipohonkan doa serta kasih sayang buat bonda Unaizah bt Hj. Shahuddin dan ayahanda Abdul Wahab Hj. Karim (Allahyarham) yang sentiasa mendoakan kejayaan dan kesejahteraan kami sekeluarga, juga kepada kedua ayahanda dan bonda mertua Mahmood dan Maharomi yang sentiasa memberikan semangat serta galakan, juga pengorbanan isteri tersayang Norlisana bt. Mahmood serta anakanda-anakanda tercinta Azlan Jailani, Norazreen, Abdul Rahman, Mirzan Hidayat dan Anim Hikayah.

Penghargaan dan terima kasih sekali lagi kepada semua yang terlibat dalam membantu saya menyiapkan kajian projek ini. Semoga kajian projek ini mendapat keberkatan hendaknya, insyaAllah.

## KANDUNGAN

Muka Surat

|                             |      |
|-----------------------------|------|
| <b>PENGHARGAAN .....</b>    | iii  |
| <b>SENARAI JADUAL .....</b> | viii |
| <b>SENARAI RAJAH .....</b>  | ix   |
| <b>ABSTRAK .....</b>        | xi   |
| <b>ABSTRACT .....</b>       | xiii |

## BAB

### I PENDAHULUAN

|                            |    |
|----------------------------|----|
| Pengenalan .....           | 1  |
| Kenyataan Masalah .....    | 5  |
| Objektif Kajian .....      | 7  |
| Kepentingan Kajian .....   | 8  |
| Skop Kajian .....          | 9  |
| Limitasi Kajian .....      | 10 |
| Andaian Kajian .....       | 10 |
| Definisi Operasional ..... | 10 |

### II TINJAUAN LITERATUR

|  |    |
|--|----|
| Dimensi dan Konsep Gaya Pengajaran .....             | 12 |
| Teori Gaya Pengajaran .....                          | 19 |
| Kajian-Kajian Lepas Mengenai Gaya Pengajaran .. .... | 21 |

|  |    |
|--|----|
| Rumusan .....  | 24 |
| <br>   |    |
| <b>III METODOLOGI KAJIAN</b>                           |    |
| Rekabentuk Kajian .....                                | 25 |
| Skop Kajian .....                                      | 26 |
| Populasi Kajian.....                                   | 26 |
| Sampel Kajian .....                                    | 27 |
| Instrumen Kajian .....                                 | 29 |
| Prauji Instrumen.....                                  | 32 |
| Pengumpulan Maklumat .....                             | 33 |
| Analisis Data .....                                    | 34 |
| Pembolehubah Kajian .....                              | 34 |
| <br>   |    |
| <b>IV HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>                |    |
| Latar Belakang Responden .....                         | 36 |
| Persepsi Terhadap Gaya Pengajaran Keseluruhan ....     | 37 |
| Persepsi Terhadap Dimensi BBM .....                    | 38 |
| Persepsi Terhadap Tingkahlaku Kognitif .....           | 40 |
| Persepsi Terhadap Dimensi Kemesraan .....              | 42 |
| Persepsi Terhadap Dimensi Dorongan dan Kesungguhan ... | 44 |

**V RINGKASAN, KESIMPULAN, IMPILKASI DAN CADANGAN**

|  |           |
|--|-----------|
| Latar Belakang Permasalahan Kajian ..... | 49        |
| Pernyataan Masalah .....                 | 50        |
| Objektif Kajian .....                    | 51        |
| Metodologi Kajian .....                  | 51        |
| Penemuan Kajian .....                    | 52        |
| Kesimpulan Kajian .....                  | 54        |
| Implikasi .....                          | 54        |
| Cadangan Kajian Lanjutan .....           | 55        |
| <br>                                     |           |
| <b>RUJUKAN .....</b>                     | <b>57</b> |
| <br>                                     |           |
| <b>LAMPIRAN .....</b>                    | <b>60</b> |

## **SENARAI JADUAL**

| Jadual   | Muka Surat |
|--|------------|
| 1 Saiz Sampel Mengikut Kelas dan Peratusan             | 28         |
| 2 Pemeringkatan Skor Item-Item Gaya Pengajaran         | 30         |
| 3 Dimensi Gaya Pengajaran Pensyarah dan Item           | 31         |
| 4 Contoh Item Setiap Dimensi Gaya Pengajaran           | 32         |
| 5 Taburan Responden Mengikut Jantina                   | 37         |
| 6 Taburan Responden Mengikut Bangsa                    | 38         |
| 7 Skor Dimensi Gaya Pengajaran Keseluruhan             | 39         |
| 8 Skor dan Kekerapan Dimensi BBM                       | 39         |
| 9 Peratusan Skala Item Dimensi BBM                     | 41         |
| 10 Skor dan Kekerapan Dimensi Tingkahlaku Kognitif     | 42         |
| 11 Peratusan Skala Item Dimensi Kognitif               | 43         |
| 12 Skor dan Kekerapan Dimensi Kemesraan                | 45         |
| 13 Peratusan Skala Item Dimensi Kemesraan              | 46         |
| 14 Skor dan Kekerapan Dimensi Dorongan dan Kesungguhan | 47         |
| 15 Peratusan Skala Item Dimensi Dorongan               | 48         |

## **SENARAI RAJAH**

| Rajah  | Muka Surat |
|--|------------|
| 1 Gaya Pengajaran Pensyarah Dalam Kelas            | 21         |
| 2 Pengamatan Pengajaran dan Pembelajaran Matematik | 22         |

Abstrak Kajian Projek yang dikemukakan kepada Jabatan Pendidikan Pengembangan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Sains.

**GAYA PENGAJARAN PENSYARAH DI SEBUAH MAKTAB  
PERGURUAN TERPILIH DARI PERSEPSI GURU PELATIH**

Oleh

**JAMALULLAIL BIN ABDUL WAHAB  
MAC 1998**

Penyelia: Dr. Shamsuddin Ahmad, Ed. D.

Fakulti: Pengajian Pendidikan

Gaya pengajaran pensyarah maktab perguruan boleh memberi kesan kepada prestasi guru-guru pelatih. Sehubungan dengan itu adalah penting untuk dikenalpasti persepsi guru-guru pelatih terhadap gaya pengajaran pensyarah supaya pensyarah maktab perguruan boleh melakukan perubahan yang positif terhadap gaya pengajarannya.

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi guru pelatih terhadap gaya pengajaran pensyarah maktab perguruan dan kajian ini juga menentukan profil gaya pengajaran pensyarah yang disukai oleh guru-guru pelatih bagi tiap-tiap dimensi gaya pengajaran.

Sejumlah 145 guru-guru pelatih semester akhir Maktab Perguruan Kuala Terengganu dipilih sebagai sampel kajian dengan menggunakan kaedah persampelan rawak mudah. Soal selidik telah ditadbir sendiri oleh pengkaji bersama dua pembantu. Data telah dianalisis menggunakan program Statistical Packge for Sosial Science (SPSS) for MS Window Release 6.0.

Hasil kajian mendapati gaya pengajaran pensyarah maktab perguruan yang paling disukai oleh guru pelatih ialah gaya pengajaran dimensi Tingkahlaku Kognitif . Manakala bagi profil gaya pengajaran yang disukai bagi tiap-tiap dimensi adalah seperti berikut: bagi Dimensi Tingkahlaku Kognitif pensyarah ialah kebolehan pensyarah menyampaikan idea pengajarannya dengan cekap; bagi Dimensi Kemahiran Menyoal dan Menggunakan Bahan Bantu Mengajar (BBM) ialah kebolehan pensyarah menggunakan pelbagai BBM dalam pengajarannya; bagi Dimensi Kemesraan ialah kesediaan pensyarah sentiasa berusaha mengetahui nama-nama guru pelatihnya dan bagi Dimensi Kesungguhan serta Dorongan pula guru pelatih paling menyukai pensyarah yang sentiasa bersemangat semasa mengajar.

Rumusan yang boleh dibuat hasil daripada penemuan kajian ini ialah: 1) Pensyarah maktab yang mempunyai kemahiran dan kebolehan seperti menyampaikan idea dengan cekap, merancang pengajaran dengan baik, menerangkan konsep pengajaran dengan jelas dan mudah, mengetahui tahap kefahaman guru pelatih, menunjukkan contoh-contoh yang sesuai dengan matapelajaran serta pengalaman sedia ada guru pelatih merupakan pensyarah yang paling disukai oleh guru pelatih.

2) Pensyarah maktab perguruan yang mempunyai kemahiran dan kebolehan seperti di atas berkemungkinan dapat meningkatkan tahap pembelajaran dan prestasi akademik guru pelatih.

Adalah dicadangkan supaya maktab-maktab perguruan akan menggunakan hasil kajian ini bagi menghasilkan pensyarah-pensyarah maktab perguruan yang mempunyai gaya pengajaran yang benar-benar berkesan. Sekiranya pensyarah mempunyai gaya pengajaran yang disukai oleh guru pelatih, InsyaAllah pembelajaran menjadi lebih berkesan dan akan tercapailah objektif maktab perguruan untuk melahirkan guru-guru yang berkualiti dan berketrampilan.

Abstract of Research Project submitted to the Department of Extension Education, Faculty of Educational Studies, University Putra of Malaysia in partial fulfillments for the degree of Master of Science.

**LECTURER TEACHING STYLES IN A CHOOSEN TEACHERS  
TRAINING COLLEGE BY  
PERCEPTION OF TEACHER TRAINEES**

**By**

**JAMALULLAIL BIN ABDUL WAHAB  
APRIL 1998**

Supervisor: Dr. Shamsuddin Ahmad Ed. D

Faculty: Educational Studies

Teaching styles in general affects performance. In teacher training, styles adopted by teacher trainers can have pertinent effects on the performance of teacher trainees. Thus there is need to determine how teacher trainees perceive teaching styles adopted by teacher trainers with the hope that positive changes can be made in the ways and approaches that teacher trainers teach to facilitate effective teaching and learning.

This study looks into this aspect of teacher training. It was the objective of determining the perception of teacher trainees on teaching styles among teacher trainers. This study consequently tries to determine teaching style profiles which are deemed preferable among teacher trainees.

The sampling for the study is 145 teacher trainees in their last semester of study in Maktab Perguruan Kuala Terengganu. A simple random sampling was utilised. Questionnaires were administered by the writer along with two colleagues. Data analysis was carried out using the SPSS for MS Windows Release 6.0.

The study shows that teaching styles deemed most preferred by teacher trainees is the Cognitive Behavioural dimension. Teaching style profiles most preferred among all dimensions in the overall domain of teaching styles are as follows: the competency of delivering ideas effectively in the Cognitive Behavioural dimension, the utilisation of various teaching materials and resources in the dimension of Questioning Skills and Use of Teaching Material and Resources, and the skill of remembering trainees by their names in the dimension of Enthusiasm and Motivation.

The research concludes two main findings: 1) Lecturer traits and skill such as forward ideas effectively, plan lessons well, explain clear and precise teaching concepts, know trainee understanding level, give appropriate examples in accordance to trainees experiences, come up with precise and clear to the point. 2) Lecturers with the above traits and skills are most likely to enhance teacher trainee learning effectiveness.

It is hoped that these findings are taken into account and utilised by teacher trainers in the pursuit of producing high quality and competent teachers.

## **BAB I**

### **PENDAHULUAN**

#### **Pengenalan**

Falsafah Pendidikan Negara (FPN) telah menggariskan kepentingan memberikan pendidikan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, jasmani, rohani dan emosi sebagai matlamat untuk melahirkan rakyat yang berketrampilan dan berupaya menyumbang kepada negara. Maktab Perguruan sebagai sebuah organisasi sosial dipertanggungjawabkan untuk merealisasikan matlamat FPN ini.

#### **Peranan Maktab Perguruan**

Kepentingan fungsi Maktab Perguruan dalam pembangunan negara, memperlihatkan setiap pensyarah maktab perguruan mempunyai peranan dan tanggungjawab masing-masing yang mesti dilaksanakan sepenuhnya. Pelaburan dalam pendidikan guru secara langsung menentukan kualiti pendidikan yang akan diperolehi oleh generasi yang bakal memakmurkan negara pada masa akan datang. Sehubungan dengan itu kita dapat melihat peranan institusi keguruan dalam menentukan tercapai atau tidaknya matlamat pembangunan negara.

Secara khususnya peranan utama institusi keguruan di negara kita ialah untuk melatih dan menghasilkan guru-guru terlatih sekolah rendah dan menengah. Berdasarkan peranan utama tersebut, institusi keguruan perlu menjurus kepada dua fungsi penting iaitu; 1) penyediaan guru untuk mengajar, dan 2) penyediaan guru untuk bertugas di sekolah.

### **Peranan Pensyarah Maktab Perguruan**

Dalam birokrasi pentadbiran maktab perguruan, peranan dan tanggungjawab pensyarah yang utama ialah membentuk guru pelatihnya supaya menjadi insan yang pakar, serba boleh dan bersedia berkhidmat untuk kemajuan negara. Gaya pengajaran pensyarah di dalam kelas dapat menyumbang ke arah melahirkan guru-guru yang berkualiti, berwibawa dan berketrampilan.

Rumusan beberapa penyelidik pendidikan, antaranya Maehr (1990), Abdul Rahim (1990), Landbeck (1990) dan Cheng (1993), mendapati gaya pengajaran pensyarahlah yang menjadi pemangkin bagi iklim kelas, minat gurupelatih, motivasi pembelajaran, keberkesanannya pembelajaran serta peningkatan ilmu dan pengalaman guru pelatih. Untuk melaksanakan tugas pensyarah untuk ‘mendidik guru’, pensyarah perlu mempunyai kemahiran gaya pengajaran seperti kemahiran mengawal kelas, menyoal, menggunakan bahan bantu mengajar, mewujudkan iklim positif kelas, memotivasi guru pelatih serta berupaya membentras unsur-unsur negatif di kalangan guru pelatih seperti bosan, malas, ponteng kelas dan pelbagai masalah disiplin lain.

## Kepentingan Gaya Pengajaran

Gaya pengajaran pensyarah dalam kelas (unit kecil dalam institusi maktab perguruan), akan menentukan sama ada guru pelatihnya berkemampuan menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan negara dengan kemahiran gaya pengajarannya serta kepakaran profesionalisme perguruan atau sebaliknya. Andaian ini berasaskan daripada kajian Cheng (1993) yang mendapati wujudnya pengaruh iklim bilik darjah terhadap keberkesanan pembelajaran dan seterusnya peningkatan pencapaian guru pelatih. Dalam kajian tersebut, pensyarah dirumuskan sebagai mampu mencorak iklim sosial dan iklim fizikal kelas yang akan memotivasi guru pelatih untuk berusaha memperbaiki tahap pencapaian mereka.

Fungsi pensyarah sebagai fasilitator selalunya terabai dengan keghairahannya untuk memindahkan ilmu kognitif kepakarannya tanpa melihat samada gaya pengajarannya disukai oleh guru pelatih atau tidak. Perkaitan antara pencapaian guru pelatih dan gaya pengajaran telah dibuktikan wujud. Oleh itu untuk meningkatkan keberkesanan pengajarannya, seseorang pensyarah itu haruslah mencorakkan gaya pengajaran yang disukai oleh guru pelatih itu sendiri. Dalam hal ini seseorang pensyarah itu hendaklah bersikap terbuka menerima pandangan serta teguran membina yang dilontarkan oleh guru pelatih terhadap gaya pengajaran pensyarah.

## **Hubungan Antara Gaya Pengajaran dengan Pembelajaran**

Gaya pengajaran yang berkesan seharusnya dapat mencorakkan iklim kelas yang merangkumi aspek fizikal dan aspek emosi kelas. Aspek fizikal kelas melibatkan perancangan dan pengorganisasian perkara yang berkaitan dengan kemudahan-kemudahan pembelajaran dalam kelas seperti komputer, bahan bantuan mengajar, sudut aktiviti dan pameran dan berbagai perabot lain dengan sempurna.

Suasana emosi kelas lebih penting dari suasana fizikal kerana walau bagaimana idealnya suasana fizikal kelas, kepincangan suasana emosi akan memantulkan tahap pembelajaran guru pelatih yang tergugat motivasinya dengan gangguan emosi yang dialami. Penentuan emosi kelas menggabungjalinkan aspek - aspek seperti kawalan sikap dan ekspektasi pensyarah mengenai pencapaian guru pelatihnya, sistem dan nilai kepercayaan peribadinya dalam sesuatu tindakannya, serta teknik kawalan kelas yang diperlukannya. Kawalan positif seperti pemberian markah, pujian, galakan, persaingan, perlonggaran aturan dan ganjaran ekstrinsik dijadikan amalan, manakala kawalan negatif seperti dendaan, sindiran, berdendam dan tidak memberi ganjaran harus dielakkan.

Iklim pembelajaran terikat juga dengan suasana sosial bilik darjah, interaksi antara pensyarah dan guru pelatih, sesama guru pelatih serta dalam kerja berkumpulan menentukan tahap pencapaian objektif pengajaran pensyarah, interaksi dua hala dan secara berkumpulan merupakan iklim sosial pembelajaran

yang paling berkesan seperti yang telah dikaji oleh Flanders (1970) serta penyelidik - penyelidik lain. Namun begitu, aktiviti berkumpulan memerlukan kawalan pensyarah supaya keadaan disiplin dan kemesraan sesama ahli wujud. Hanya guru yang bertindak sebagai fasilitator, bukannya sebagai ketua yang autoritatif sahaja yang berjaya mewujudkan interaksi positif ini. Gaya pengajaran seseorang pensyarah itu boleh memberi kesan kepada pencapaian akademik guru pelatih. Zahrah Bahran (1996) mendapati guru pelatih yang mempunyai prestasi akademik yang tinggi mempunyai pensyarah yang menunjukkan gaya pengajaran yang mantap. Kesimpulan dari perbincangan di atas mendapati gaya pengajaran pensyarah haruslah disesuaikan dengan kehendak (keperluan) guru pelatih bagi memastikan proses pembelajaran mereka berlaku dengan berkesan.

Walaupun pentadbiran maktab, status, sejarah maktab dan pelbagai perkara lagi menyumbang ke arah peningkatan pencapaian tetapi penglibatan pensyarah yang secara langsung dengan guru pelatih, meletakkan mereka sebagai punca dan penyebab untuk mencorakkan proses pembelajaran guru pelatih dalam banyak aspek, sama ada melalui pengajaran formalnya, cara dirinya bertindak atau budaya amalannya yang mungkin menjadi tahap ukuran ikutan guru pelatih. Oleh itu, gaya pengajaran pensyarah haruslah sentiasa diperbaiki serta diubahsuai supaya menjadi gaya pengajaran yang disukai oleh guru pelatih. Dengan ini, kajian mengenai persepsi guru pelatih terhadap gaya pengajaran pensyarah maktab perguruan penting untuk memastikan guru-guru pelatih yang dihasilkan oleh maktab perguruan berkualiti serta sentiasa berkebolehan untuk mendidik pelajar-pelajar di sekolah dalam apa keadaan sekalipun.

## **Kenyataan Masalah**

Maktab perguruan sebagai sebuah institusi pendidikan dan pensyarah maktab sebagai pendidik kepada bakal-bakal guru perlu mengambil kira maklumat-maklumat serta dapatan-dapatan terbaru dalam bidang pendidikan dalam usaha untuk menghasilkan bakal-bakal guru yang berkesan.

Namun berdasarkan maklum balas yang diterima daripada pihak sekolah dan pensyarah maktab berhubung dengan prestasi guru pelatih masih kurang berkualiti dapat dilihat sebagai satu masalah dalam pemindahan pembelajaran. Ketidakmampuan guru pelatih memperlihatkan prestasi yang cemerlang dalam tugas kerja kursus secara proses, keputusan peperiksaan, interaksi semasa kuliah dan juga semasa menjalani praktikum menggambarkan terdapatnya kelemahan dalam proses pemindahan pembelajaran kepada guru pelatih.

Salah satu daripada punca masalah ini ini adalah yang berkaitan dengan kegagalan pensyarah mengambil kira gaya pengajaran yang disukai oleh guru pelatih. Ketiadaan padanan di antara gaya pengajaran pensyarah gaya pengajaran yang disukai oleh guru pelatih boleh mengakibatkan pemindahan pembelajaran yang kurang sempurna. Ini diakui oleh Dunn (1990) yang mengatakan bahawa ‘kegagalan pelajar bukan disebabkan oleh kurikulum. Pelajar boleh menguasai hampir kesemua subjek yang dipelajari jika diajar dengan cara dan pendekatan yang mengambil kira gaya pengajaran yang disukai oleh pelajar. Sebaliknya pelajar yang sama akan gagal

jika diajar dengan cara yang tidak mengambil kira gaya pembelajaran yang disukai oleh pelajar'.

Atas kesedaran bahawa masih belum banyak kajian tempatan tentang gaya pengajaran pensyarah dijalankan, adalah dirasakan bahawa satu kajian mengenai perkara ini patut dijalankan supaya pengajaran dan pembelajaran yang efektif dapat dicapai di maktab perguruan.

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti gaya pengajaran pensyarah Maktab Perguruan Kuala Terengganu yang disukai oleh guru pelatih. Secara spesifiknya kajian ini cuba mencari jawapan kepada soalan-soalan seperti: 1) Apakah jenis gaya pengajaran di kalangan pensyarah yang disukai oleh guru-guru pelatih Maktab Perguruan Kuala Terengganu (MPKT). 2) Bagaimanakah profil gaya pengajaran yang disukai oleh guru pelatih bagi bagi tiap-tiap dimensi gaya pengajaran.

### **Objektif Kajian**

#### **Objektif Umum**

Objektif umum kajian ini adalah untuk mengetahui persepsi guru pelatih terhadap dimensi dan profil dimensi gaya pengajaran pensyarah maktab perguruan.

#### **Objektif khusus**

Secara khususnya objektif kajian ini adalah untuk menentukan :

1. Dimensi gaya pengajaran pensyarah MPKT yang paling disukai oleh guru pelatih dari persepsi guru-guru pelatih semester akhir MPKT.
2. Profil dimensi gaya pengajaran pensyarah MPKT yang paling disukai oleh guru pelatih bagi tiap-tiap dimensi gaya pengajaran.

### **Kepentingan Kajian**

Hasil kajian ini memberi faedah kepada pensyarah sebagai pendidik untuk menghasilkan guru pelatih yang berkesan. Ini adalah kerana pengetahuan kemahiran yang mantap tentang gaya pengajaran di kalangan pensyarah dapat membantu mereka menyediakan teknik yang sesuai untuk melayani keperluan gaya pengajaran yang pelbagai dikalangan guru pelatih. Perancangan yang lebih teliti ini sudah tentu akan memberi manfaat kepada guru pelatih dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Melalui kajian ini juga diharapkan pensyarah sedar akan gaya pengajaran yang diamalkan oleh mereka. Pensyarah dapat meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran dengan mencuba sedaya upaya mengatasi kelemahan yang ada dan mengubahsuai gaya pengajaran kepada gaya pengajaran yang disukai guru pelatih.

Kajian ini juga dapat memberi sumbangan kepada teori-teori yang berkaitan dengan gaya pengajaran dan pembelajaran seperti Teori Gaya Pengajaran Perin (1990) yang mengatakan pencapaian yang tinggi dalam pembelajaran akan tercapai

apabila gaya pengajaran pensyarah dipadankan dengan gaya pengajaran yang disukai oleh guru pelatih.

### **Skop Kajian**

Kajian ini menumpukan perhatian kepada gaya pengajaran pensyarah di MPKT yang disukai oleh guru pelatih oleh guru pelatih. Kajian ini dibataskan kepada guru-guru pelatih semester akhir sesi 1996/1997 MPKT. Ianya hanya meliputi pengalaman guru pelatih selama dua semester bagi guru pelatih Kursus Perguruan Lepasan Ijazah/Lepasan Diploma dan enam semester bagi guru pelatih Kursus Perguruan Asas.

Alat ukur untuk menguji gaya pengajaran pensyarah diambil daripada kajian Ahmad Zaidi (1990) yang telah disesuaikan untuk menepati tujuan kajian ini. Dijangka ralat mungkin wujud dalam proses penyesuaian ini. Pembolehubah yang dikaji dalam kajian ini terhad kepada empat dimensi sahaja iaitu: 1) Kemesraan pensyarah, 2) Tingkahlaku kognitif pensyarah, 3) Kemahiran menyatakan dan menggunakan Bahan Bantu Mengajar (BBM) dan 4) Kesungguhan dan dorongan pensyarah. Pembolehubah-pembolehubah ini akan dibentang secara lebih terperinci dalam Bab III.

Kesimpulan kajian ini terbatas kepada maklumbalas soal selidik kajian, daripada jawapan guru-guru pelatih yang diandaikan menjawab setiap item soalan

dengan betul serta memberikan respons yang sebenarnya dialami untuk dimensi gaya pengajaran pensyarah yang disukai oleh mereka.

### **Limitasi Kajian**

Kajian ini dijalankan kepada guru-guru pelatih semester akhir di Maktab Perguruan Kuala Terengganu, Terengganu. Penyelidik tidak dapat menjalankan kajian di maktab-maktab perguruan seluruh Malaysia kerana kekurangan sumber kewangan dan mempunyai masa yang terhad. Hasil kajian yang diperolehi mungkin tidak sesuai digunakan untuk membuat generalisasi bagi semua maktab perguruan di Malaysia.

### **Andaian Kajian**

Kajian ini membuat andaian bahawa guru-guru pelatih di maktab perguruan mempunyai persepsi yang tertentu terhadap gaya pengajaran pensyarah yang disukai oleh mereka. Andaian lain yang boleh dibuat ialah minat guru-guru pelatih terhadap gaya pengajaran pensyarah maktab perguruan akan memberi kesan kepada pembelajaran.

### **Definisi Operasional**

**Gaya Pengajaran - Profil** pengajaran termasuklah pendekatan, kaedah dan teknik yang dipraktikkan oleh seseorang pensyarah semasa menyampaikan pengetahuan serta kemahiran kepada guru pelatih. Biasanya dalam proses pengajaran pelbagai gaya